

[Home](#) / [2025](#) / [March](#) /

Projek Pencarian Pekerjaan: UiTM Bandaraya Melaka Latih Pelajar SMK Tun Tuah Meningkatkan Kebolehpasaran

**SDG**

06/03/2025 / ARNIDA JAHYA



Melaka, 24 Februari 2025 – Pelajar Sarjana Muda Perniagaan Pengurusan Sumber Manusia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bandaraya Melaka, dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Tuah (SMK Tun Tuah), telah berjaya melaksanakan projek pembangunan kemahiran mencari peluang pekerjaan bagi pelajar Tingkatan 6 di sekolah tersebut.

Projek yang berlangsung selama hampir tiga bulan, dari 24 Oktober 2024 hingga 14 Januari 2025,

melibatkan 64 pelajar SMK Tun Tuah dan 12 pelajar UiTM Bandaraya Melaka sebagai fasilitator. Ia merupakan sebahagian daripada penilaian subjek Pemerolehan Bakat yang diambil oleh pelajar UiTM, memberi mereka pengalaman praktikal dalam bidang pengambilan bakat dan kebolehkerjaan.



Projek ini memberi tumpuan kepada pemahaman proses pengambilan pekerja, penyediaan resume, persiapan temu duga, serta strategi mencari bakal majikan. Selain itu, peserta turut dilatih dalam mengenal pasti minat, aspirasi, dan kemahiran untuk merancang kerjaya yang sesuai. Inisiatif ini juga memperkukuh hubungan UiTM dengan komuniti setempat dan menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja berkualiti di masa depan.

Kerjasama ini menunjukkan bahawa pendidikan bukan hanya akademik, tetapi usaha berterusan dalam melahirkan individu berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.

Oleh: Arnida Jahya, Mohd Isham Abidin



Tags: [Fakulti Pengurusan dan Perniagaan \(FPP\)](#), [UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Projek Kolaborasi UiTM Bandaraya Melaka dan SMK Tun Tuah:  
 Memperkasa Pelajar Dengan Kemahiran Mencari Peluang Pekerjaan

KPPIM's Lecturer Shines at the 9th Huawei ICT Competition Asia Pacific  
Finals

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +603-5544 2051 / 2000

